

PM mahu peniaga teroka pasaran Sudan

BH-17/4/2007.

Dagangan tidak harus terhad industri pembinaan, minyak dan gas



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu masyarakat perniagaan di Malaysia dan Sudan memperluaskan hubungan meliputi pelbagai bidang perdagangan serta pelaburan dan tidak hanya terhad dalam industri pembinaan, minyak dan gas yang sudah sedia terjalin kukuh.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua pihak perlu membina dan meneroka sepenuhnya hubungan baik Malaysia-Sudan dalam bidang perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi dua hala.

Pada masa ini, katanya, syarikat minyak kebangsaan, Petronas, sudah menunjukkan kehadirannya yang kukuh di Sudan berdasarkan rekod

cemerlangnya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dalam membangunkan kapasiti dan pembangunan modal insan menerusi tawaran biasiswa serta latihan kemahiran untuk warga negara ini.

Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) juga sudah berada di Sudan menerusi kerjasama dengan Keer Trans, sebuah syarikat pengangkutan dan penghantaran tempatan, sejak 2005, yang membekalkan perkhidmatan logistik di negara ini.

Sebuah lagi syarikat Malaysia, Alami Oil Products pula terbabit dalam usaha sama menghasilkan produk dan memproses minyak sawit di Pelabuhan Sudan dan kini menunggu kelulusan pihak berkuasa negara ini untuk membina gudang bagi menyimpan minyak sawit.

"Banyak lagi syarikat Malaysia kini terbabit dengan projek pembinaan di Sudan. Ini semua menunjukkan

potensi Sudan sebagai rakan ekonomi dan pembangunan sosial," katanya ketika menyampaikan ucapan utama pada Forum Perniagaan Malaysia-Sudan di sini, semalam.

Ini adalah lawatan pertama Abdullah ke Sudan sebagai Perdana Menteri dan negara pertama dilawati dalam siri lawatan kerja ke tiga negara di Afrika, yang dijadual berakhir Ahad ini.

Pada 2006, Sudan adalah negara ke-16 terbesar eksport Malaysia ke Afrika dengan dagangan mencecah AS\$51.9 juta (RM181.7 juta) dan eksport bernilai AS\$51.7 juta (RM180.9 juta). Produk utama eksport Malaysia ke Sudan ialah besi, minyak sawit, elektrik dan elektronik serta jentera.

Abdullah berkata, hubungan Malaysia dan Sudan sudah lama terjalin menerusi agama serta kebudayaan dan bertambah kukuh berikutan kerjasama yang dicapai dalam mempromosi perkhidmatan dan produk ma-

kanan halal.

Bagi mempromosi perkhidmatan dan produk makanan halal, katanya, Malaysia menganjurkan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) secara tahunan dan Mihas keempat akan diadakan di Kuala Lumpur mulai 9 hingga 13 Mei ini melibatkan penyertaan 500 syarikat dari seluruh dunia.

Selain itu, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Forum Halal Sedunia yang akan diadakan selama dua hari, bermula 7 Mei ini.

"Malaysia sedar Sudan juga mencatat banyak kemajuan dalam bidang ekonomi apabila semakin banyak pelaburan dilihat memasuki negara ini dengan pertumbuhan ekonomi berada pada kadar lapan peratus pada 2005 dan kadar inflasi yang rendah.

"Ini adalah berita baik untuk melakukan perniagaan dan kami berada di sini pada masa yang tepat," katanya.